

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN PERDANA MALAYSIA YEAR OF FESTIVALS (MYFEST) 2015 DITANGGUH

PUTRAJAYA, 29 Disember 2014 – Majlis Pelancaran Perdana Malaysia Year of Festivals 2015 atau MyFest 2015, yang dijadualkan berlangsung pada 10 Januari 2015, ditangguh ke satu tarikh lain.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, YB Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz berkata situasi masa kini merupakan situasi luar jangka dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melahirkan rasa simpati kepada nasib mangsa-mangsa banjir dan juga keluarga penumpang pesawat AirAsia yang dilaporkan hilang.

“Setakat ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan turut membatalkan acara Majlis Rumah Terbuka Krismas yang dijadualkan berlangsung pada 27 Disember 2014 di Pavilion, Kuala Lumpur dan menggantikannya dengan Majlis Amal Bantuan Bencana Banjir 1MOTAC yang berjaya mengumpul sumbangan berjumlah RM22,000.00 serta barangan keperluan lain untuk mangsa banjir”, kata beliau.

Industri pelancongan negara juga turut terkesan daripada kedua-dua insiden tersebut apatah lagi dengan negeri-negeri yang terbabit iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah, Johor dan Negeri Sembilan merupakan antara negeri yang mencatatkan ketibaan pelancong yang tinggi sepanjang tahun 2013.

Namun begitu, Dato' Seri Mohamed Nazri optimis bahawa keadaan akan pulih dan pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia serta agensi-agensinya akan membantu dan menyokong negeri-negeri terbabit dengan meningkatkan promosi sektor pelancongan negeri-negeri tersebut ke pasaran antarabangsa.

MyFest 2015 merupakan misi nasional yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia di dalam ucapan Bajet 2015. Kempen ini merupakan



susulan Tahun Melawat Malaysia 2014 dan mensasarkan untuk mengekalkan Malaysia sebagai destinasi utama pilihan pelancong dari serata dunia bagi mencapai sasaran penerimaan ketibaan pelancong seramai 29.4 juta dan memperoleh pendapatan pelancongan sebanyak RM89 bilion.

MyFest 2015 yang bertemakan “Endless Celebrations” akan fokus kepada memperkasa serta meraikan kepelbagaian kaum yang ada di negara ini yang menghasilkan kepelbagaian budaya, warisan, perayaan dan juga seni, sebagai produk pelancongan unik, seiring dengan jenama “Malaysia Truly Asia”.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat:
Email: info@motac.gov.my. Tel: 03.8000.8000.

- Tamat -